



**PERUTUSAN
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

SEMPENA HARI TANAH NEGARA KE-7 2023

27 JULAI 2023

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

1. Hari Tanah Negara yang disambut pada tanggal 27 Julai setiap tahun bertujuan merai dan menghargai sumbangan warga pentadbiran tanah di seluruh Malaysia dalam memastikan pentadbiran tanah sentiasa relevan serta selari dengan arus perdana pembangunan negara.
2. Peranan dan sumbangan warga pentadbiran tanah ini amat penting sebagai pemudahcara bagi urusan-urusan berkaitan yang seterusnya membantu memacu pertumbuhan ekonomi dan mencapai kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.
3. Ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan infrastruktur berimpak tinggi seperti projek East Coast Rail Link (ECRL), Lebuhraya Pan Borneo

serta tapak-tapak kemudahan awam seperti sekolah dan hospital yang melibatkan urusan pengambilan tanah.

4. Dalam aspek peningkatan kecekapan Pejabat-Pejabat Tanah di Semenanjung Malaysia, saya berbangga dengan pencapaian 90.08% urusan perserahan pindah milik tanah berjaya didaftarkan dalam tempoh satu (1) hari pada tahun 2022 yang lalu.
5. Saya mengharapkan menerusi peluasan projek e-Tanah di negeri-negeri akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan urusan-urusan lain berkaitan tanah. Dalam jangka panjang, saya percaya peningkatan kecekapan ini juga akan menyumbang kepada peningkatan di peringkat negeri khususnya.
6. Sumbangan warga pentadbiran tanah ini membentuk momentum perubahan yang dirasai oleh rakyat Malaysia, sesuai dengan tema sambutan Hari Tanah Negara 2023 iaitu “Pentadbiran Tanah Pemacu Kemakmuran Malaysia Madani”.

“Selamat Hari Tanah Negara” kepada seluruh warga pentadbiran tanah di Malaysia.

NIK NAZMI BIN NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

27 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia